



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**04 Ogos 2024
29 Muharam 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• 40 peratus sektor pertanian Pulau Pinang selesai dibanci • Patin air bukit lebih segar, menyelerakan
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• 18,122 pertubuhan, pengusaha sector pertanian Pulau Pinang dibanci
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		7	4.8.2024

18,122 pertubuhan, pengusaha sektor pertanian Pulau Pinang dibanci

BAYAN LEPAS - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Pulau Pinang telah membanci 18,122 pertubuhan dan pengusaha dalam sektor pertanian meliputi aktiviti tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur, perhutanan dan pembalakan di negeri ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, sehingga hari ke-29 bancian dijalankan, Pulau Pinang telah mencapai 40 peratus bancian yang telah dijalankan.

Menurutnya, peratusan itu menunjukkan Pulau Pinang merupakan negeri tertinggi di Malaysia dalam kedudukan prestasi bancian.

"Pada hari ke-29 kedudukan prestasi pembancian di seluruh negara adalah 31 peratus yang mana, Pulau Pinang adalah negeri tertinggi peratusnya iaitu 40 peratus yang telah dijalankan."

"Kegunaan tanah pertanian di Pulau Pinang adalah 36,040 hektar yang mana, bancian melibatkan penggunaan tanah, produktiviti penghasilan dan teknologi yang digunakan."

"Kita juga membuat bancian daripada segi corak pekerja atau pemilik yang mengusahakan sesuatu pertanian. Data-data ini kita peroleh daripada pelbagai agensi," katanya ketika ditemui di Jeti Seri Jerejak, Bayan Lepas di sini pada Sabtu.

Mohd Uzair sebelum itu mengadakan lawatan kerja rasmi sehari di Pulau Pinang yang melibatkan kawasan Penaga, Pulau Jerejak dan Sungai



Mohd Uzir (kiri) menyauk ikan ketika melawat sangkar ikan di Pulau Jerejak pada Sabtu.

Bakap.

Tambah beliau, sumbangan pertanian di Pulau Pinang tidak mencecah 3 peratus namun daripada segi nilai sumbangan, negeri ini mencatatkan RM2.2 bilion.

"Berdasarkan laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sektor pertanian di Pulau Pinang menyumbang sebanyak 1.9 peratus kepada KDNK negeri dengan nilai ditambah berjumlah RM2.2 bilion."

"Subsektor perikanan pula merupakan penyumbang terbesar sektor perikanan di negeri ini dengan sumbangan 40 peratus, diikuti subsektor tanaman (33 peratus) dan ternakan (27 peratus) pada tahun 2023."

"Antara sektor terbesar di Pulau Pinang adalah ternakan ikan hiasan berbanding

rajaan menyebabkan mereka merasakan tidak perlu untuk memberi maklumat dalam bancian yang dijalankan."

"Diharapkan mereka yang terlibat dengan sektor pertanian di Pulau Pinang dapat memberi kerjasama yang erat dan hasil daripada usaha ini, kita boleh jangka Pulau Pinang bakal menyelesaikan bancian dengan lebih awal."

"Cuma terdapat mereka yang mungkin tidak menyertai program-program kerajaan yang tidak tampil untuk memberi kerjasama kerana apa yang kita tekankan di sini, negara memerlukan maklumat kedudukan sektor pertanian negara untuk kita melihat keseluruhan bekalan serta pengeluaran," katanya.

Tambah beliau, negara juga memerlukan maklumat untuk menanda aras dengan keperluan permintaan.

"Mereka yang mengusahakan sendiri tanpa apa-apa program kerajaan, mereka mungkin tidak nampak bagaimana ia memberi kesan kepada mereka nanti."

"Tetapi apa yang boleh kita nyatakan, negara tidak ingin berada dalam keadaan siapa yang mengeluarkan sesuatu pengeluaran itu menyebabkan berlaku pengeluaran berlebihan dan mengakibatkan kestabilan tidak dapat diperoleh," katanya.

Jelas beliau, bagi mengatasi perkara itu, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan seperti memberi penerangan kepada masyarakat di samping sesi bersama komuniti setempat terus dipergiatkan.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			18	4.8.2024

40 peratus sektor pertanian Pulau Pinang selesai dibanci

Bayan Lepas: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selesai membanci 40 peratus daripada 18,122 pertubuhan dan pengusaha terbabit dalam sektor pertanian meliputi aktiviti tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan perhutanan serta pembalakan di Pulau Pinang.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin yang juga Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, berkata ia membabitkan kira-kira 8,000 pembancian di Pulau Pinang sejak bulan lalu hingga semalam.

"Memasuki hari ke-29 pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dan di seluruh negara telah capai 31 peratus.

"Pulau Pinang negeri tertinggi iaitu 40 peratus pembancian dilaksanakan, kita jangka negeri ini akan selesai lebih awal berbanding sasaran seluruh negara Oktober depan.

"Sumbangan pertanian di Pulau Pinang dari segi nilai mencecah RM2.2 bilion tahun lalu dengan subsektor perikanan penyumbang terbesar sebanyak 40 peratus, diikuti subsektor tanaman (33.0 peratus) dan ternakan (27 peratus).

"Antara aktiviti terbesar ialah dalam segi (perniagaan) ikan hiasan yang kebanyakannya beroperasi di Pulau Pinang," katanya kepada pemberita di jeti nelayan Seri Jerejak, semalam.

Mohd Uzir berkata, penggunaan tanah untuk pertanian di Pulau Pinang dianggarkan seluas 36,040 hektar dengan pembancian bertujuan menyediakan data seperti maklumat demografi, corak pekerja serta pemilik, hasil pertanian, kos input, saiz ladang serta teknologi digunakan.

Katanya, dapatan awal mendapati, penyertaan belia dalam sektor pertanian di seluruh negara agak menyerlah daripada segi peratusan, dengan pembabit golongan itu berpotensi luas untuk dipertingkatkan.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		31-32	4.8.2024


PERSPEKTIF

Masjid Ali berkubah emas, ruang dalam dihiasi 100 tan berlian indah
Muka 33

Sifat malu perisai Muslim dedah aib diri, keluarga di media sosial
Muka 39

Patin air bukit lebih segar, menyelerakan

31-32

Sumber semula jadi kaya khasiat jadikan ikan lebih berkualiti
Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Ikan patin antara spesies ikan air tawar yang paling sinonim dengan masyarakat Malaysia, sejak berdekad lamanya. Rasanya enak dan berlemak, menjadi antara sumber protein kaya dengan pelbagai khasiat seperti kalsium, zat besi, kalium, fosforus dan vitamin serta kandungan asid lemak Omega-3 yang tinggi. Menurut Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), ikan patin atau nama saintifiknya *Pangasianodon hypophthalmus* (dulu dikenali sebagai *Pangasius Sutchi*), spesies ikan air tawar yang mendiami kawasan sungai dan lombong. Berasal dari Sungai Mekong dan Sungai Chao Phraya, ikan diternak besar-besaran untuk dimakan, malah ia dijual dengan nama komersial sebagai ikan dory, swai atau basa.

Terkenal kelazatan, kelezatan isi ikan
Di Malaysia paling terkenal ikan patin Pahang didakwa berbeza disebabkan persekitaran di negeri itu yang secekok dengan habitatnya dan dikatakan kelazatan dan kelezatan isinya paling baik. Ikan patin liar Sungai Pahang tinggi nilai komersial, malah ternakan sangkar mempunyai permintaan yang tersendiri dan jika disajikan hidangan seperti masak tempoyak

dan pais, ia mampu mencecah puluhan ringgit, hanya sebahagian isi ikan. Di sehalak kemasyhuran ikan patin Sungai Pahang, terdapat produk penternakan spesies ikan sama yang dikatakan mempunyai keunikan dan kualiti setanding dengan ikan patin sungai itu. Umpamanya, penternak dari Jerantut, Yusairi Yusof, yang membela ikan patin air bukit, berkata ternakannya istimewa kerana dibela di bawah kaki bukit di kampung halamannya yang dikelilingi panorama bukit-bukau dan gunung-ganang. Meninggalkan kerjaya korporat untuk memberi fokus sepenuhnya pada perniagaan sendiri, peraturan bapa tiga cahaya mata ini semakin membuahkan hasil apabila ternakannya mula mendapat tempat bagi peminat ikan air tawar di sekitar Lembah Klang. Menurut pemegang Ijazah Penyiaran Komunikasi Media Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini, beliau yakin ternakan dalam kolam mampu dimanfaatkan dengan persekitaran semula jadi di Kampung Perlok, Jerantut. "Kampung Perlok menawarkan panorama cantik dengan keindahan bukit-bukau yang memukau pandangan dan kaya sumber alam semula jadi, masih segar untuk dimanfaatkan secara lestari. "Bukit-bukau di sini menghasilkan sumber mineral semula jadi yang sangat baik untuk penternakan, airnya bersih, kaya pelbagai khasiat dan terbukti secara saintifik. "Sumber air bagi ternakan saya diperolehi dari puncak Gunung Tungku dan Bukit Bongkok, yang mengalir terus ke dalam kolam ikan patin. Mineral semula jadi ini menyelerakan ke dalam isi ikan patin untuk memberikan rasa lebih segar dan sedap berbanding ikan patin sangkar lain," katanya.

Juadah popular Pahang, patin masak tempoyak menggunakan ikan patin kolam yang diternak dengan air bukit yang sentiasa mengalir menjadikan ikan itu lebih enak. (Foto BERNAMA)

Lihat muka 32

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF	NEUTRAL		32	4.8.2024

32

4 OGOS 2024 **BH** AHAD

PERSPEKTIF

Dari muka 31

Yusairy menjelaskan, perbezaan utama ikan patin sangkar dan ikan patin air bukitnya adalah penggunaan sumber air sungai.

"Paling jelas ikan patin air bukit ditenak menggunakan sumber air semula jadi dari bukit yang mengalir manakala ikan patin sangkar ditenak menggunakan air mengalir di dalam sangkar.

"Kedua-duanya ada kelebihan tetapi manfaat air bukit khususnya di Kampung Perlok airnya tidak tercemar yang mengalir terus dari puncak bukit ke kolam ternakan," katanya.

Ikan patin Pahang dari sumber air terpanjang di Semenanjung. "Tidak dinafikan kualiti ikan patin di Pahang adalah sangat baik, mungkin disebabkan perbezaan mineral semula jadi berbanding di negeri lain dan ramai peminat ikan air tawar ini memburu ikan ini bukan kerana nama sahaja tetapi kualiti pada rasa ikan itu sendiri," katanya.

Cabaran memperkenalkan ikan patin air bukit

Selama 15 tahun berkecimpung dalam penternakan ikan patin air bukit, Yusairy tidak menafikan beliau berdepan pelbagai cabaran untuk membangunkan dalam bidang itu.

"Antaranya, untuk meyakinkan peminat spesies ikan air tawar itu adanya produk terbaik selain ikan patin Sungai Pahang.

"Ramai menganggap ikan patin ditenak di kolam tidak sebaik ikan ditenak dalam sangkar. Ini tidak benar kerana saya keluaran yang berkualiti tinggi dan mampu menjadi santapan setara dengan ikan mahal lain.

"Bagi memastikan ikan patin itu sentiasa mendapat perhatian, beliau berusaha mengekalkan harga di bawah pasaran walaupun berdepan pelbagai kenaikan kos tahun demi tahun.

"Paling teruk palet makanan ikan kerana sebelum pandemik COVID-19 satu bag atau 20 kilogram hanyalah sekitar RM60 sahaja tetapi hari ini, ia sudah mencecah RM81. Malah dijangka akan naik dan terus naik

Persekitaran alam semula jadi, cocok dengan habitat



Yusairy bersama hasil temakan ikan patin di kolam miliknya di Kampung Perlok, Jerantut. (Foto BERNAMA)

info

Ikan patin

- Spesies asal adalah Pangasius hypophthalmus, P. Nasutus (patin buah), P. microdon (patin juara) dan Helicophagus waandensis (patin muncung)
- Patin Mekong terkenal antara spesies ikan air tawar perhi ada dalam senarai ikan yang perlu dipancing
- Diangkat menjadi simbolik kepada daerah Temerloh sehingga digelar Bandar Ikan Patin
- Sungai di Thailand, Myanmar, Borneo, Malaysia, Kemboja dan Vietnam turut dihidu oleh pelbagai spesies
- Kebanyakan spesies ikan patin bersifat omnivor iaitu memakan apa sahaja sebagai diet pemakanannya
- Musim mengawan bagi ikan patin selalunya bergantung kepada kitaran monsun



pada masa hadapan.

"Pengguna juga sudah merasai kesan inflasi dalam industri ini kerana dahulu, harga satu sajian ikan patin di kedai sekitar RM8 ke RM10, kini boleh mencecah sehingga RM20," katanya yang membeberitahu, peningkatan palet itu secara perlahan membunuh ramai penternak ikan air tawar.

Modal RM2,000 bina sebuah kolam patin

Mengimbas kenangan belasan tahun lalu, Yusairy berkata, beliau memulakan perniagaan itu dengan hanya bermodalakan RM2,000 untuk membina sebuah kolam.

"Sekitar 2010, ketika berkhidmat dengan sebuah syarikat, saya terfikir untuk menjana pendapatan sampingan setelah melihat beberapa kolam ikan diusahakan oleh orang kampung di kampung saya.

"Secara kebetulan keluarga saya ada tanah lebih kurang 10 ekar yang tidak diusahakan dan ia menyala semangat untuk cuba berniaga, lebih-lebih lagi saya sentiasa mencari idea untuk mewujudkan sebuah perniagaan keluarga.

"Sebelum itu, saya juga menernak lembu, mengusahakan syarikat videografi secara kecil-kecilan dan akhirnya saya dapati penternakan ikan patin ini mampu menjana pendapatan yang baik untuk saya di masa depan," katanya.

Katanya lagi, beliau mengambil masa hampir 15 tahun untuk benar-benar menjadikan seorang penternak dan pembekal ikan patin dari Jerantut.

"Saya mencipta perniagaan ini dari bawah dan tidak juga mewarisi perniagaan ini. Segala cabaran dan tekanan yang ada saya hadapi dengan hanya bekalan semangat untuk menjadi seorang usahawan," katanya.

Tahun ini Yusairy mempunyai enam buah kolam ikan air patin dan tenaga kerja yang terdiri daripada keluarga dan orang kampung.

Jadi saya mencuba menernak ikan patin dengan permulaan 1 kolam. Sekarang 2024 saya ada enam kolam dan sudah menjadi pendapatan utama saya.

Dari segi bantuan, beliau berkata, kerajaan menerusi Jabatan Perikanan sememangnya membantu perusahaannya melalui pemasangan paip dari puncak bukit ke kawasan ternakan ikan, pada 15 tahun lalu.

Saya berharap saya mampu berada dalam perniagaan ini untuk 15 tahun lagi.

"Harapan saya kini adalah untuk menyediakan produk ikan patin air bukit 'ready to eat' dan dipasarkan ke pasaran lebih besar di seluruh negara untuk dinikmati dengan mudah oleh penggemar-penggemar ikan air tawar ini," kata bekas pekerja syarikat Puncak Niaga ini.



Ikan patin hasil penternakan secara kolam yang menggunakan sumber air bukit.



Yusairy menabur makanan ikan jenis patin ke dalam kolam patin miliknya.